

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menyelidik dan mengenal pasti kesilapan-kesilapan pada topik kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Penulis cuba mencari faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya kesilapan-kesilapan itu dan mencadangkan beberapa kaedah sebagai penyelesaian kepada masalah itu.

Satu kajian soal selidik telah dijalankan sebagai kajian latar belakang. Sejumlah 19 borang soal selidik telah diedarkan kepada 19 orang pelajar dari satu kelas yang mengambil kursus Diploma Pengurusan dan Pelancongan, Fakulti Pengurusan dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA. Kajian ini bertujuan mendapatkan maklum balas dari pelajar tentang kesilapan yang sering mereka lakukan dalam topik kata bilangan dan penjodoh bilangan, kepentingan dan keperluan menguasai kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun serta perkaitannya dengan bidang pekerjaan mereka nanti.

Dalam kajian ini, terdapat dua kaedah analisis yang telah dipilih, iaitu, analisis kontrasitif dan analisis kesilapan. Dalam kajian analisis kontrasitif, perbandingan di antara kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Jepun diuraikan. Ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua bahasa dipaparkan, seterusnya beberapa ramalan mengenai kesilapan yang berkemungkinan dilakukan oleh pelajar diperjelaskan.

Kajian analisis kesilapan pula dilakukan untuk memeriksa kesilapan yang sebenarnya berlaku. Untuk tujuan itu, beberapa latihan dan ujian telah diberikan kepada 100 orang pelajar peringkat Ijazah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengajian Maklumat dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Universiti Teknologi MARA. Bagi tujuan kajian, hanya sejumlah 20 kertas jawapan latihan dan ujian pelajar-pelajar dipilih secara rawak untuk dianalisa, seterusnya kesilapan-kesilapan yang berlaku dikenal pasti.

Pada keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa mempelajari kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun adalah berpunca daripada perbezaan sistem di antara bahasa ibunda dan bahasa asing yang mereka pelajari. Selain itu, gangguan daripada bahasa ibunda pelajar juga menyebabkan kesilapan boleh berlaku.

Akhir sekali beberapa cadangan telah disyorkan oleh penulis kepada pengajar-pengajar, penulis buku teks dan penyelidik mengenai langkah-langkah untuk mengatasi masalah dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari kata bilangan dan penjodoh bilangan bahasa Jepun.

ABSTRACT

The main aim of this research is to study and identify errors in numerals and quantifiers in the Japanese Language which are often made by the Malay students at MARA University of Technology, Shah Alam. The writer attempts to find factors that cause these errors and suggests various methods to solve the problems.

A survey has been carried out as a background study. 19 sets of questionnaire were administered to the students of the Diploma in Tourism Management, faculty of Hotel Management and Tourism, UiTM. The aim of this study is to get feedback on the errors that always occurred, and to learn the importance and the need to master both topics and how they relate to their jobs in future.

In this study, there are two methods of analysis and there are (i) Contrastive Analysis and (ii) Error Analysis. In the study of contrastive analysis, the writer makes a comparison between the numerals and quantifiers of the Malay and Japanese Languages. The similarities and the differences in the characteristics between the two languages plus a few predictions pertaining to the errors that the students might make are also explained.

An attempt at error analysis is made to check the mistakes that actually occurred. For this purpose, a few exercises and tests were given to 100 students of UiTM from the Faculty of Business Management, Information Technology and Science Computer. For this study, only 20 answer scripts were selected at random to identify and analyze the mistakes made by the students.

This study highlights the errors often made by students in the learning of the Japanese numerals and quantifiers. They are shown to have been caused by the differences in the system between the students' mother tongue and the foreign language that they learned. The interference of the mother tongue is also found to have caused the errors.

Finally, a few suggestions are given to the teachers, text books' writers and researchers, on how to overcome the problems that students might face during the process of learning the Japanese numerals and quantifiers.